

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]
TARIKH : 4.11.2014
SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan penurunan kuasa sebanyak RM5 juta kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Surat perwakilan kuasa Pegawai Pengawal kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah bagi melaksanakan projek pembangunan infrastruktur, perolehan tender, perkhidmatan serta kerja-kerja penyelenggaraan telah dikeluarkan pada 9 April 2014. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perwakilan kuasa ini adalah usaha untuk memperkasa peranan JPN dengan memberi peranan yang lebih besar bagi menggerakkan projek-projek pembangunan dan pengurusan perolehan perkhidmatan yang bernilai RM 5 juta dan ke bawah di peringkat negeri. Dalam hubungan ini, sebanyak 9 jawatan pelbagai skim termasuk perjawatan teknikal telah diwujudkan di JPN Sabah secara pindah butiran (*redeployment*) berkuat-kuasa mulai 1 Julai 2014. Pengisian jawatan tersebut sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya memandangkan ia melibatkan jawatan kader.

Walau bagaimanapun, JPN boleh menggunakan perkhidmatan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Jabatan Kerja Raya Sabah untuk dilantik sebagai ahli dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dengan perolehan dan pengurusan kerja serta perkhidmatan sebagai penyelesaian jangka pendek sementara menunggu pengisian jawatan kader daripada JKR.

RJM85